

Pusat Sukan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal Melaka

OLYMPIC DAY RUN 2026

PROGRAM OLYMPIC DAY RUN 2026

Anjuran: Majlis Olimpik Malaysia dengan kerjasama Pusat Sukan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UTeM
Tarikh: 21 Jun 2026 (Ahad)

Olympic Council Malaysia (OCM) dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mencipta sejarah dengan penganjuran Olympic Day Run 2026 yang berlangsung pada Ahad, 21 Jun 2026 di Kampus UTeM, Durian Tunggal, Melaka.

Majlis berprestij ini telah disempurnakan dengan pelepasan rasmi oleh YBhg. Dr. Mohd Ali Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka merangkap Canselor UTeM, bersama-sama Dr. Norza Zakaria, Presiden OCM Malaysia, Presiden Persekutuan Sukan Asia Tenggara (SEAGF) dan Naib Presiden Majlis Olimpik Asia (OCA) Zon Asia Tenggara; Dr. Haji Nur Azmi Ahmad, Timbalan Presiden OCM Malaysia, Presiden Persekutuan Karate Malaysia serta Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Olympic Day Run 2026; Prof. Dr. Massila Kamalrudin, Naib Canselor UTeM dan Prof. Dr. Mohd Rizal Salleh, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM.

Buat julung kalinya dalam sejarah penganjuran Olympic Day Run oleh OCM Malaysia, edisi tahun ini mengetengahkan tema khas "Green and Heritage", selaras dengan Inisiatif Kampus Hijau UTeM serta pemilihan Bandaraya Bersejarah Melaka sebagai lokasi penganjuran.

Penganjuran Olympic Day Run 2026 turut mengintegrasikan sepuluh (10) tindakan lestari bagi mengurangkan sisa, meminimumkan impak alam sekitar serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap amalan hijau. Pencapaian ini telah diiktiraf oleh NOC Malaysia sebagai "Olympic Day Run Pertama dengan Inisiatif Hijau" dan didaftarkan secara rasmi dalam Malaysia Book of Records.

"Olympic Day bukan sekadar sambutan sukan; ia adalah platform global yang melangkaui sempadan negara dan menyatukan komuniti tanpa mengira latar belakang, selaras dengan Nilai Olimpik iaitu Kecemerlangan, Hormat dan Persahabatan," ujar beliau.



FAQ AMALAN HIJAU

1. Apakah definisi amalan hijau?

Definisi amalan hijau ialah mengurangkan atau meminimumkan kesan negatif daripada aktiviti manusia, pembangunan, aplikasi produk dan peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar (alam semulajadi).

2. Bagaimana cara mengamalkan 3R (Reduce - Reuse - Recycle) di pejabat?

Berhemat dalam penggunaan alatulis
Cetak atau membuat salinan hanya jika perlu
Cetak atau membuat salinan di kedua-dua belah mukasurat bagi dokumen formal
Guna semula kertas terpakai semasa mencetak dokumen tidak formal (salinan draft)
Guna semula sampul surat dan fail yang telah digunakan
Fikir dahulu sebelum buang
Gunakan tong kitar semula yang betul
Pesanan makanan untuk mesyuarat/majlis dibuat mengikut keperluan

SIDANG EDITORIAL Buletin @ PUSAT SUKAN

Ketua Editor

En Siti Sarah binti Bujang

Reka Grafik

En Farid Bin Mohd Khalid

En Faizol Ikmal Bin Shariff

En Ahmad Affenday bin Mohamed Sani

Editor

En Mohd Farid bin Mohd Khalid

En Faizol Ikmal bin Shariff

En Ahmad Rhafae bin Samsudin

Pn Zuraidah binti Abdullah

Pn Norashikin binti Hashim

Pn Norasikin binti Md Isa

En Azrin Sariman

En Razali bin Yaakob

Mohd Hadzren Redza bin Norhidzam Amin Akbar

En Ahmad Affenday bin Mohamed Sani

En Muhammad Ashraff bin Nor Rizan

Jawatankuasa Media
PUSAT SUKAN
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)